



قَسَمٌ بِذِكْرِ خَيْرِ عَمَلٍ إِذَا عَمِلْتَ فِيهِ قَسَمْتُ
مَعَهُ لَكَ رَجَاءٌ سَكُونُ لَكَ مِنْ عَمَلِكَ (أَعْرَبُ) أَبْنَاءُ
يَا أَيُّهَا اسْلَامُ كَلْتَن



PERATURAN PEMARKAHAN TAMBAHAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

BAHASA MELAYU

1103/1

2026

Markah penuh : 100**1.0 Tujuan pengujian:** Untuk menguji kebolehan calon dalam:

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

KERTAS 1

BAHAGIAN A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	KRITERIA
Cemerlang 26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan menepati tema/tugas bahan rangsangan. <u>Idea</u> • Idea relevan dengan tema/tugas bahan rangsangan. • Huraian jelas dan matang. <u>Bahasa</u> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Laras bahasa yang sesuai mengikut tugas. • Wacananya lengkap. • Pemerenggan sesuai. Ungkapan menarik : <i>Peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain.</i>
Kepujian 20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan menepati tema/tugas bahan rangsangan. <u>Idea</u> • Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan. • Huraian jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan kosa kata luas. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.

	<u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacananya lengkap. • Pemerenggan sesuai.
Memuaskan 15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan masih menepati tema/tugas bahan rangsangan. <u>Idea</u> • Idea masih relevan dengan tugas bahan rangsangan. • Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan kosa kata masih luas /terhad. • Unsur bahasa masih bervariasi <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. • Wacananya masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai.
Pencapaian Minimum 10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan kurang menepati tugas bahan rangsangan. <u>Idea</u> • Idea kurang relevan dengan tugas bahan rangsangan. • Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Unsur bahasa kurang bervariasi. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Wacananya kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai.

Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum 01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema/ tugas bahan rangsangan.
---	---

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN BAHASA MELAYU 1 – 1103/1

Bahagian A (30 markah)

1. Format penulisan komen :

- T** - menepati tugas
- I** - idea relevan, huraian jelas
- B** - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P** - pengolahan menarik dan berkesan

Petikan dan grafik di bawah adalah berkaitan dengan pusat sumber sekolah.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang pusat sumber sekolah.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

2. Kehendak soalan:

1. Calon dikehendaki menghuraikan **usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah untuk menggalakkan murid-murid ke pusat sumber sekolah.**
 - pusat sumber perlu dilengkapi dengan bahan bacaan menarik
 - mengadakan program galakan membaca
2. Dalam konteks penandaan, calon perlu **akur** terhadap kepanjangan karangan iaitu antara **150- 200 patah perkataan.**
3. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
4. Jika calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **langkah untuk menggalakkan murid-murid ke pusat sumber sekolah**, periksa seperti biasa.
5. Jika hanya menyentuh sebahagian bahan sahaja, maksimum **Kepujian. (20-25 markah).**
6. Karangan **tidak sampai** 140 patah perkataan, maksimum **Memuaskan (15-19 markah).**
7. Karangan **melebihi** 210 patah perkataan tidak layak mendapat cemerlang. Maksimum **Kepujian (20-25 markah).**

*** Jika calon menulis dalam bentuk point – maksimum peringkat TMTPM**



BAHAGIAN B: Karangan Respons Terbuka**(70 markah)**

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	Kegramatisan – kata (morfologi) - ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
2. IDEA (ISI)	Tema Isi utama Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh) Relevan
3. PENGOLAHAN	Wacana Logik Pemerenggan Format / Laras
4. GAYA BAHASA	Keindahan Bahasa Ungkapan Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	KRITERIA
Cemerlang 64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea yang relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai dengan tugas.
Kepujian 55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.

	<u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai dengan tugas.
Baik 45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<u>Tugasan</u> • Karangan masih menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Memuaskan 35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<u>Tugasan</u> • Karangan masih/ kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian kurang jelas. • Contoh kurang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi.

	• Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih / kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
Penguasaan Minimum 21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	<u>Tugasan</u> • Karangan kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan / idea bercampur aduk. • Huraian tidak jelas / tidak berkembang . • Contoh tidak sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan tidak menarik. • Binaan perenggan tidak sesuai/ tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum 01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	• Karangan tidak menjawab tugas/ Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami. • Idea tidak relevan/ bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap, binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.

**MARKAH MAKSIMUM
KARANGAN BAHAGIAN A
BAGI KARANGAN KURANG DARIPADA 150 PATAH PERKATAAN/
TERPESONG ISI DAN LAIN DARIPADA TAJUK**

Jumlah Perkataan	Tahap pemeriksaan ikut peringkat	Markah maksimum
100 – 139	Memuaskan	19
51 – 99	Pencapaian minimum	14
Kurang 50	Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	09

**MARKAH MAKSIMUM
KARANGAN BAHAGIAN B
BAGI KARANGAN LEBIH/ KURANG DARIPADA 350 PATAH PERKATAAN
TERPESONG TEMA DAN TUGASAN**

Jumlah Perkataan	Tahap pemeriksaan ikut peringkat	Markah maksimum
Lebih 511	Maksimum Kepujian	63
300 – 339	Maksimum Baik	54
251 – 299	Maksimum Memuaskan	44
Kurang 251	Maksimum Penguasaan Minimum	34
Terpesong tema tetapi idea masih menjawab tugas	Memuaskan	44
Terpesong tema tetapi idea kurang menjawab tugas	Pencapaian minimum	34
Terpesong tema dan tidak menjawab tugas	Tidak mencapai tahap penguasaan minimum atas	20
Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.	Tidak mencapai tahap penguasaan minimum bawah	10

3.0 Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

Semasa memeriksa, tandakan kesalahan - kesalahan isi, bahasa, dan ejaan seperti berikut:

(	)	=	kesalahan isi.
_____		=	kesalahan bahasa, penggunaan perkataan dan frasa
/		=	kesalahan ejaan yang pertama
//		=	kesalahan ejaan yang berulang
0		=	kesalahan tanda bacaan

(Kesalahan kata majmuk juga dianggap sebagai kesalahan ejaan)

BAHAGIAN B (70 markah)**Format penulisan komen :**

- T** - menjawab tugas
- I** - idea relevan, huraian jelas
- B** - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
- P** - pengolahan menarik dan berkesan

Soalan 1

Aktiviti lumba haram jalanan bukanlah sesuatu yang baharu di negara kita. Walaupun telah dilaksanakan pelbagai tindakan penguatkuasaan, namun isu ini masih tidak mampu ditangani. Aktiviti lumba haram jalanan telah mendatangkan pelbagai kesan negatif termasuklah mengancam nyawa pengguna jalan raya, menjejaskan masa depan golongan remaja dan mengganggu ketenteraman awam.

Dipetik dan diubah suai : Internet

Bincangkan kesan-kesan negatif tersebut.

Kehendak/ tugas soal

Calon dikehendaki menghuraikan **kesan-kesan negatif lumba haram jalanan** seperti yang terdapat dalam petikan iaitu :

- Mengancam nyawa pengguna jalan raya
- Menjejaskan masa depan golongan remaja
- Mengganggu ketenteraman awam

Kemungkinan jawapan calon:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan - periksa seperti biasa.
2. Sekiranya calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain - maksimum **Kepujian**.
3. Jika calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja - maksimum **Kepujian**.

4. Sekiranya calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum **Baik**.

Soalan 2

Aktiviti penerapan semangat patriotik iaitu program Sambutan Bulan Kemerdekaan telah semakin kurang mendapat sambutan dalam kalangan murid sekolah. Kira-kira 80 peratus anak muda kini dikatakan tidak lagi mempedulikan Sambutan Bulan Kemerdekaan berbanding hanya 20 peratus sahaja yang masih kekal menghayati serta menanamkan semangat patriotik dalam diri. Pelbagai langkah perlu dilaksanakan agar program Sambutan Bulan Kemerdekaan ini kembali mendapat sambutan, antaranya mengadakan tayangan filem patriotik.

Sumber : www.cosm.com.my

Huraikan usaha yang dinyatakan dalam petikan berserta usaha-usaha lain untuk meningkatkan sambutan tersebut.

Kehendak Soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan **usaha yang terdapat dalam petikan berserta usaha-usaha lain untuk meningkatkan Sambutan Bulan Kemerdekaan iaitu:**

- Mengadakan tayangan filem patriotik (idea dalam petikan)
- Dan idea-idea yang lain

Kemungkinan jawapan calon:

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan - periksa seperti biasa.
2. Sekiranya calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja - maksimum **Kepujian**.
3. Sekiranya calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum **Baik**.

Soalan 3

Langkawi: Pemangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, pengurusan sumber semula jadi yang tidak terancang seperti aktiviti pembalakan yang tidak terkawal, pembakaran secara terbuka dan kegiatan penerokaan tanah secara terlampau telah menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada manusia dan alam sekitar. Tekanan pembangunan dan perancangan yang lemah telah dikenal pasti antara punca masalah ini.

Dipetik dan diubah suai : www.astroawani.com

Selain punca yang dinyatakan di atas, huraikan punca-punca berlakunya masalah tersebut.

Kehendak Soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan **punca-punca lain berlakunya masalah pengurusan sumber semula jadi yang tidak terancang** kecuali punca yang terdapat dalam petikan iaitu :

Kemungkinan jawapan calon:

1. Calon menghuraikan idea selain dalam petikan - periksa seperti biasa.
2. Sekiranya calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea-idea luar petikan - maksimum **Kepujian**.
3. Jika calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja - maksimum **Baik**.



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Soalan 4

Berdasarkan satu kajian oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) pada tahun 2020, banjir peranti elektronik dan peningkatan akses Internet isi rumah yang mencapai 91.7 peratus membuatkan generasi muda lebih memilih permainan secara maya berbanding turun ke padang untuk bermain permainan tradisional. Keadaan ini boleh mengakibatkan permainan tradisional seperti guli, wau, batu seremban, catur cina, mahjong dan kabadi semakin dilupakan oleh golongan muda pada masa ini dan berisiko lenyap. Oleh itu, pelbagai pihak memainkan peranan untuk mempopularkan kembali permainan ini di negara kita.

Sumber: www.dewanbudaya.jendeladb.my

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan peranan-peranan tersebut.

Kehendak Soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan **peranan-peranan/ tanggungjawab-tanggungjawab pelbagai pihak untuk mempopularkan kembali permainan tradisional di negara kita.**

Kemungkinan jawapan calon:

1. Calon menghuraikan peranan pelbagai pihak tetapi aspek yang sama - terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan peranan satu pihak sahaja tetapi pelbagai langkah - maksimum peringkat **Kepujian.**
3. Calon tidak menyatakan peranan mana-mana pihak/ umum - maksimum peringkat **Baik.**
4. Calon menghuraikan peranan satu pihak dan satu langkah - maksimum peringkat **Baik**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan:

- **Puisi**
- **Alamat**
- **Tarikh**
- **Nama khas**
- **Peribahasa**
- **Maksud Hadis/ al-Quran/ Kata tokoh**
- **Penanda wacana**
- **Tajuk (rencana/ surat)**
- **Kata sendi di dan ke**
- **Angka**
- **Kata majmuk**

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT



قَسْبِيْدُ عَرَفِ عَنُوْدَا زِجْلِيْسِيْ قَعْتُوْل
مَعْمَدَا كِرَا جَانِ سَكُوْلِيْ مَنَعَبُوْكَالْمَرْعَبِ (بَنُوْا) يَا
يَا اَسْنِ اِسْلَامِ كَلَنْتَنْ



PERATURAN PEMARKAHAN TAMBAHAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

BAHASA MELAYU
1103/2
2026

PANDUAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU PERCUBAAN SPM KERTAS 2 (2026)

MARKAH PENUH : 100 MARKAH

BAHAGIAN A : Sistem dan Aplikasi Bahasa

Markah penuh : **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **9** markah

Soalan 4 : **6** markah

Soalan 5 : **6** markah

Perhatian bagi soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja berapitan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja berapitan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kerja berapitan digunakan dalam dua ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi (Kata Adjektif Perasaan)

1. cemas
2. sedih
3. hiba
4. gembira
5. gelisah

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 - Sintaksis

- (i) Jurusolek kesan khas memerlukan semua kemahiran dan kebolehan yang sama seperti jurusolek biasa.
- (ii) Masa hadapan kerjaya dalam bidang ini amatlah luas kerana khidmat kesan khas ini amat diperlukan dalam industri perfileman
- (iii) Jurusolek kesan khas perlulah meningkatkan kepakaran mereka dan/di samping cakna akan perkembangan terkini dunia persolekan supaya/agar mereka menjadi lebih serba boleh.

[Maksimum : 6 markah]**Soalan 3 - Penyuntingan****Bahan 1**

- 1. dari - daripada
- 2. longlai - gemalai
- 3. dipergunakan - menggunakan
- 4. mendekatkan - mendekati
- 5. idintiti - identiti
- 6. Banyak lagu-lagu - Banyak lagu / Lagu -lagu

[Maksimum : 5 markah]**Bahan 2**

- 1. Malaysia - Indonesia
- 2. harap - berharap
- 3. bandaraya - bandar raya
- 4. skalnya - skalanya
- 5. terlalu besar sekali - terlalu besar/besar sekali
- 6. pertama - utama
- 7. dilawati oleh kami - kami lawati
- 8. destenasi - destinasi

[Maksimum : 5 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	5
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	4
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
-Isi cukup,mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1-2
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Setelah hari siang maka Bendahara riuh mengatakan kecurian.

Bendahara datang menyembah, "Ya tuanku, patik memohon ampun, pada malam ini harta patik habis kecurian, habis barang-barang kemas".

Setelah itu, raja bertitah "Wahai Temenggong, bukankah beta menitahkan Temenggong sendiri untuk berkawal pada malam tadi? Mengapakah pada malam tadi mamak Bendahara yang kecurian?"

[Maksimum : 5 markah]

Soalan 5 - Peribahasa

- (i) Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
- (ii) Bagai kacang lupakan kulit
- (iii) Ikutlah resmi pada, semakin berisi semakin tunduk

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

(i) Maksud rangkai kata *mempamerkan imej*

- | | |
|------------------------|---|
| - menunjukkan gambaran | 2 |
| - menunjukkan imej | 1 |
| - mempamerkan gambaran | 1 |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Punca-punca penjawat awam terlibat dengan jenayah rasuah

Bahan 1

- P1 Rasuah bermula daripada sikap ingin hidup mewah walaupun luar kemampuan
- P2 Penjawat awam mudah terjerumus dengan jenayah ini kerana nilai integriti yang rapuh dalam diri.

Bahan 2

- P1 Ajaran agama diabaikan
- P2 Bebanan hutang yang banyak

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Kesan-kesan yang akan berlaku jika rasuah berleluasa:

- P1 Pentabiran negara menjadi tidak stabil
- P2 Keamanan negara akan terancam
- P3 Kepercayaan orang sekeliling semakin menurun
- P4 Maruah diri akan tercemar
- P5 Kadar jenayah semakin meningkat

(kesan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan yang akan saya lakukan untuk mengelakkan rakan saya daripada terlibat dengan masalah itu:

- P1 Saya akan menasihati rakan saya dengan cara yang berhemah
- P2 Saya sewajarnya menerangkan secara jelas keburukan rasuah
- P3 Saya seharusnya menunjukkan teladan yang baik untuk diikutinya
- P4 Saya akan berkongsi maklumat mengenai denda dan hukuman rasuah
- P5 Saya perlu berbincang secara rahsia dengan majikan untuk langkah pencegahan.

(tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

(i) Maksud rangkai kata *kian terancam*

- makin berbahaya/ berisiko
- kian berbahaya/ berisiko
- makin terancam

2
1
1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Kesan-kesan pencemaran alam di negara kita :

Bahan 1

- P1 Kerosakan ekosistem semakin menjadi-jadi
- P2 Habitat flora dan fauna kian terancam



Bahan 2

P1 Cuma airnya kurang jernih lagi

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan dua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Punca-punca berlakunya pencemaran alam yang semakin yang semakin membimbangkan ini

- P1 Penerokaan hutan yang tidak terancang
- P2 Pembakaran hutan secara berleluasa
- P3 Pelepasan asap kilang dan kenderaan
- P4 Pembuangan sisa toksik ke dalam sungai
- P5 Pembuangan sampah sarap di merata-rata

(punca yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iv) Tindakan-tindakan yang wajar saya lakukan untuk menghentikan aktiviti tidak bertanggungjawab itu:

- P1 Saya akan menegur secara berhemah
- P2 Saya perlu melaporkan kepada pihak berkuasa dengan segera
- P3 Saya sewajarnya memuat naik aktiviti tersebut di media sosial sebagai peringatan
- P4 Saya akan mencadangkan pihak berkuasa membuat rondaan yang lebih kerap

(tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

(i) Ciri-ciri kereta yang diimpikan oleh Nurul Hafsa:

- P1 Kereta yang berenjin petrol dan bermotor elektrik itu mengurangkan kebergantungan terhadap minyak petrol.
- P2 Enjin yang bersaiz kecil mengurangkan kehilangan tenaga dalaman dan mengurangkan berat keseluruhan kereta.
- P3 Bentuk kereta yang aerodinamik juga mengurangkan beban enjin dan hasilnya ialah penjimatan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(ii) *Jawapan soalan novel*

Panduan Pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

- (i) Jawapan berdasarkan dua novel yang dikaji
 - (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 - (iii) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa yang sukar dilupakan**.
 - (iv) Markah isi, maksimum 4 markah
 - (v) Markah bahasa, maksimum 2 markah
 - (vi) Markah bahasa diberi secara *impression*
- Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 - (viii) Calon yang tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 6 markah]

(i) Dua peristiwa yang sukar dilupakan.

a) Novel Pantai Kasih

1. Peristiwa

Unong Siron telah mengalami masalah tulang sendi pinggul. Dia telah menderita kesakitan akibat mengalami kegagalan pembedahan sebanyak lima kali yang dijalankan oleh Doktor Uwang. Doktor Uwang didapati telah menggunakan alat ganti palsu semata-mata untung mendapatkan leuntungan.

Sebab

Peristiwa ini sukar dilupakan kerana seorang pesakit terpaksa menanggung kesakitan akibat dieksploitasi oleh doktor yang ingin mengaut keuntungan.

2. Peristiwa

Doktor Raiha telah melihat sendiri kematian anak istimewanya iaitu Rohayu di depan mata. Anaknyanya telah meninggal dunia akibat disamar api sewaktu kebakaran kereta suaminya sendiri, Doktor Sadiz.

Sebab

Peristiwa ini sukar dilupakan kerana seorang ibu yang begitu menyanyangi anak walaupun dilahirkan istimewa telah mati di hadapan matanya.

3. Peristiwa

Sister Felicia Landossi yang selama ini mempunyai hubungan dingin dengan Doktor Raiha akhirnya telah meminta maaf atas segala kesalahannya. Dia juga telah berterus terang dan menceritakan punca sebenar kematian Rohayu

Sebab

Peristiwa ini sukar dilupakan kerana seorang wanita memaafkan kesalahan besar yang dilakukan oleh orang lain kepadanya tanpa menyimpan dendam.

b) Novel Bimasakti Menari

1. Peristiwa:

Nurul Hafsa telah berjanji dengan sekumpulan rombongan kanak-kanak dari sekolah rendah di Hiroshima untuk mengembalikan semula bintang ke Kuala Selangor. Janji ini telah ditepati setelah Nurul Hafsa berjaya memperjuangkan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap.

Sebab:

Peristiwa ini sukar dilupakan kerana kehebatan wanita yang mampu menunaikan janji walaupun pada awalnya kelihatan agak sukar.

2) Peristiwa:

Muhammad Taufik telah diserang oleh sekumpulan lelaki yang tidak dikenali secara tiba-tiba pada suatu malam. Muhammad Taufik telah mengalami kecederaan dan dimasukkan ke Hospital Besar Tanjung Karang.

Sebab:

Peristiwa ini sukar dilupakan kerana seorang lelaki yang baik diserang tanpa alasan sehingga mengancam nyawa.

3. Peristiwa:

Dato' Johan Arlington-Majid sanggup menculik Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa demi menggagalkan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap. Dato' Johan rasa terancam kerana projek tersebut telah menjejaskan perniagaannya.

Sebab:

Peristiwa ini sukar dilupakan kerana seseorang yang mempunyai pengaruh sanggup melakukan jenayah demi kepentingan sendiri.

(Peristiwa lain diterima sekiranya sesuai)



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima						Markah Isi Maksimum
(i) Pendahuluan								2
(ii) Isi Bahan 1								16
Fokus 1 (usaha)	3	3	3	2	1	1		
Fokus 2 (kepentingan)	3	2	1	2	3	2		
(iii) Isi Bahan 2								
Fokus 2 (kepentingan)	2	1	1	1	1	1		
(iv) Isi Bahan 3								
Fokus 1 (usaha)	2	1	1	1	1	2		
Jumlah isi	10	8	8	8	8	8		
(iv) Penutup / Kesimpulan								2
	Jumlah Markah							20

Pendahuluan [2 markah]

Rumusan membincangkan **usaha-usaha/ cara-cara/ langkah-langkah untuk memajukan sektor ekopelancongan dan kepentingan-kepentingan/ faedah-faedah/ manfaat-manfaat sektor ekopelancongan.**

Jika calon menyatakan dua fokus betul

[2 markah]

Jika calon menyatakan satu fokus betul

[1 markah]

ISI**Bahan 1 (Petikan)****Fokus 1: Usaha-usaha/cara-cara/ langkah-langkah untuk memajukan sektor ekopelancongan**

A1 media sosial telah mengoptimumkan promosi di platform digital.

A2 Kerajaan melengkapkan prasarana dan kemudahan di kawasan yang menjadi tumpuan pelancong.

A3 Kerajaan mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi baharu

Bahan 3 (Pantun)**Fokus 1: Usaha-usaha/cara-cara/ langkah-langkah untuk memajukan sektor ekopelancongan**

B1 Dana perlu diberikan dengan secukupnya

B2 Tawaran pakej murah dengan harga yang berpatutan

Bahan 1 (Petikan)**Fokus 2: Kepentingan-kepentingan/faedah-faedah/ manfaat-manfaat sektor ekopelancongan**

C1 ekopelancongan dapat memberikan impak yang sangat besar dalam memelihara dan mengangkat nilai sejarah sesebuah negara

C2 kemasukan pelancong akan meningkatkan aliran tunai dan pendapatan negara secara langsung.

C3 ekopelancongan secara tidak langsung telah membuka ribuan peluang kerjaya kepada agensi berkaitan.

Bahan 2 (Petikan Dialog)**Fokus 2: Kepentingan-kepentingan/faedah-faedah/ manfaat-manfaat sektor ekopelancongan**

D1 Pelajar dapat menambahkan ilmu pengetahuan mengenai sejarah.

D2 Semangat patriotik yang terhakis dapat ditingkatkan semula dengan melawat tempat-tempat ini

KESIMPULAN [2 markah]

K1 - Kesimpulannya, sektor ekopelancongan perlu dimajukan agar ekonomi negara meningkat.

[2 markah]

K2 – Kesimpulannya, sektor ekopelancongan perlu dimajukan.

[1 markah]

(b) **Bahasa [10 markah]**

Markah bahasa dinilai secara holistik berdasarkan penggunaan bahasa oleh calon dan bukan berdasarkan jumlah isi yang diperoleh. Asas pemberian markah bahasa adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut :

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	8 – 10	▪ Kesenambungan ayat sangat baik ▪ Bahasa sangat gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu. ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ Pengolahan sangat menarik dan berkesan
BAIK	5 – 7	▪ Kesenambungan ayat baik ▪ Bahasa masih gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu. ▪ Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat ▪ Pengolahan masih menarik dan berkesan
SEDERHANA	3 – 4	▪ Kesenambungan ayat kurang baik ▪ Bahasa kurang gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu. ▪ Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat ▪ Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan
LEMAH	1 – 2	Pada keseluruhannya, penggunaan bahasa tidak memuaskan / pengolahan lemah.



SERTAI TELEGRAM @exercise_students